

23 MAY 2002

MAHATHIR-JEPUN/I

LAWATAN DR MAHATHIR KE JEPUN BERKESAN

Analisis

Oleh: Siti Hawa Othman

TOKYO, 23 Mei (Bernama) -- Lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke Jepun yang baru berakhir didapati berkesan dalam mendapatkan sokongan Tokyo bagi penubuhan sekretariat Asean campur tiga (Asean+3) di Malaysia.

Sekretariat itu merupakan pendahulu kepada pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

EAEG yang bakal mengumpulkan 10 anggota Asean serta China, Jepun dan Korea Selatan, merupakan hasil ketekunan Kuala Lumpur untuk mewujudkan platform bagi Asia Timur membincangkan isu-isu kepentingan bersama.

Sokongan Jepun dalam inisiatif serantau seperti Asean+3, EAEG serta usaha-usaha untuk membawa hubungan dua hala ke peringkat lebih tinggi memberikan semangat.

Malaysia yang menerapkan Dasar Pandang Ke Timur sejak 20 tahun lepas, terus mempunyai perkongsian mantap dengan Jepun seperti yang digambarkan oleh kejayaan lawatan Dr Mahathir.

Pada akhir lawatan selama tiga hari itu, termasuk pertemuannya dengan rakan sejawatannya, Jumichiro Koizumi, Tokyo memberikan jaminan bahawa ia akan terus membantu Malaysia yang telah lama bersahabat dengannya itu.

Ahli-ahli Parlimen dari Liga Persahabatan Ahli Parlimen Jepun-Malaysia yang menemui Dr Mahathir juga menyuarakan perasaan yang sama.

Dr Mahathir mengadakan lawatan kerja ke Jepun dari 20 hingga 22 Mei.

Jadualnya yang ketat di sini termasuklah ucap tama pada satu persidangan dan pertemuan-pertemuan bagi membincangkan isu-isu mengenai usaha memperluaskan perspektif serantau seperti perkembangan ekonomi Asia Timur, kemunculan China sebagai kuasa besar ekonomi, serta isu-isu dua hala yang melibatkan pinjaman syarat mudah dan bantuan dalam pembangunan sains dan teknologi.

Lawatan Mahathir telah diberikan liputan meluas dalam media tempatan dan akhbar harian Japan Times bertarikh 23 Mei melaporkan bahawa Koizumi, Dr Mahathir dan Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, telah bersetuju untuk menangani isu berhubung dengan pembangunan Asia Timur.

Memetik kenyataan pegawai kerajaan Jepun, akhbar itu menyatakan ketiga-tiga pemimpin bersetuju untuk mengadakan mesyuarat peringkat kabinet di Tokyo pada musim panas ini bagi membincangkan hal-hal pembangunan Asia Timur, sebagai sebahagian daripada langkah kerjasama yang meluas antara Jepun dan Asia Tenggara.

Forum yang dipanggil pembangunan Asia Timur itu, akan membincangkan dasar-dasar pembangunan menyeluruh rantau ini dan akan bekerjasama dalam membantu negara-negara kurang maju.

Koizumi mendapat idea ini ketika lawatan beliau ke lima negara Asia Tenggara Januari lepas, tambah akhbar itu.

Sementara itu di Persidangan Nikkei yang menumpu kepada China, Dr Mahathir menerima tepukan gemuruh sebelum dan selepas memberikan ucap tama yang bertajuk "China - Satu Cabaran Atau Satu Peluang Bagi Asean?".

Perantaranya, Hirotosugu Koike yang merupakan editor kanan berita luar negara Nikkei, menyifatkan Dr Mahathir sebagai "Pengemuka Pendapat Asia" dan "Pengemuka Pendapat Dunia Ketiga".

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menyentuh tentang cabaran dan peluang yang muncul ekoran kehadiran China. Negara itu seharusnya dianggap sebagai sebuah kuasa besar ekonomi, bukan sebagai musuh yang akan menggerakkan kuasa tenteranya.

Sesi soal jawab yang berlangsung selepas ucapan beliau itu, menyaksikan seorang pelajar Jepun yang pernah belajar di Malaysia, dengan rasa kagumnya menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin agung.

Dia telah meminta Dr Mahathir memberi komen mengenai kebaikan kepimpinan yang kerap berubah dalam sesebuah negara.

Perdana menteri berkata, "Jika saya menyandang jawatan ini selama dua tahun, mungkin anda tidak kenal saya."

Dengan menyandang jawatan perdana menteri sekian lama, beliau boleh membuat pembetulan, membuat rancangan dan membuahkan hasil, katanya.

Beliau berkata seseorang itu harus memberi peluang kepada orang yang tidak berdaya.

"Jika anda menghalang dia; pada tahun pertama apabila dia cuba memahami kerjanya, atau pada tahun kedua apabila dia mula merancang atau dia keluar pada tahun ketiga, anda tidak akan tahu samada dia bagus atau tidak," kata perdana menteri.

Isu-isu dua hala yang dikemukakan dalam lawatan ini juga meliputi pinjaman syarat mudah di mana Jepun sedang mengadakan penilaian alam sekitar bagi sebuah projek bekalan air dari Pahang kepada Selangor.

Minat yang mendalam perdana menteri dalam bidang teknologi dan hasrat untuk melihat negara maju dalam bidang ini, menyaksikan beliau berbincang mengenai konsep "lembah bio" dengan Dr Kisho Kurohawa yang merupakan jurubina Lapangan Terbang Antarabangsa KL, bersama-sama dengan ahli akademik dari berbagai universiti.

Projek jangka panjang itu melibatkan penubuhan unit-unit penyelidikan dan memerlukan kepakaran saintis Jepun untuk melatih saintis Malaysia.

Suatu lagi bidang teknologi yang dikongsi dengan Jepun ialah pembinaan "Puteri Intan Satu," sebuah kapal tangki Gas Asli Cecair (LNG) milik Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC), di kilang kepunyaan Mitsubishi Heavy Industries Ltd (MHI) di Nagasaki.

Dilaporkan bahawa kapal tangki pertama daripada enam buah kapal yang ditempah oleh MISC ini, mempunyai 30 peratus kandungan tempatan.

Kandungan tempatan ini adalah dalam bentuk kotak bertebat tangki kargo kapal itu yang dibuat di Nilai, Negeri Sembilan. Ia merupakan komponen khusus tangki LNG tersebut.

Perdana menteri berkata walaupun ini hanyalah merupakan peratusan kecil daripada keseluruhan kandungan kapal tangki itu, namun pengalaman yang diperolehi daripada projek ini akan menghasilkan faedah yang besar bagi Malaysia, khususnya dalam usaha menggalakkan keupayaan pembangunan tempatan.

Seperti juga lawatan-lawatan ke luar negaranya sebelum ini, kunjungan ke Jepun ini akan tetap menghasilkan faedah bersama yang ketara bagi Malaysia dan Jepun. -- BERNAMA

SHO KTC/MR KY JR